

**Kini Waktu Untuk Cari Jalan Selamatkan MIC - Jaspal Singh
Bernama
Jan 5, 2015**

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Anggota MIC kini perlu mencari jalan untuk menyelamatkan parti itu daripada memikirkan langkah yang perlu diambil jika pendaftarannya dibatalkan, kata bekas setiausaha agung parti itu Senator Datuk Jaspal Singh.

Beliau berkata untuk menyelamatkan parti yang mempunyai sejarah perkhidmatan kepada masyarakat selama 68 tahun itu, MIC perlu menganggap notis yang diberi Pendaftar Pertubuhan (ROS) kepadanya "mempunyai rahmat tersembunyi".

"Di samping itu, saya juga amat terkejut dengan pengumuman Presiden Datuk Seri G. Palanivel tentang perubahan barisan kepimpinan dua hari lepas," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat MIC di sini Isnin.

Jaspal berkata sekarang bukan masa sesuai untuk membuat perubahan itu "bagi mengalih perhatian daripada isu yang dihadapi parti".

Sabtu lepas, Palanivel mengumumkan Datuk Kumar Silambaram sebagai setiausaha agung dan Ramalingam Krishnamoorthy sebagai pengarah strategik MIC yang baharu bagi menggantikan A. Prakash Rao dan Datuk Seri Vell Paari.

Palanivel juga melantik tiga anggota baharu Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) - Karuppanan Malairaja (Pulau Pinang), Datuk Ganesan Subramaniam (Kedah) dan Ganesan Thankaveloo (Selangor).

Jaspal juga menggesa semua pemimpin parti itu supaya "membuat keputusan secara bersama" dan keputusan yang dibuat pula perlulah "jelas dan telus" untuk membolehkan MIC kembali ke era kegemilangannya.

Pada 5 Dis 2014, ROS mengarahkan MIC mengadakan semula pemilihan bagi 23 anggota CWC dan bagi tiga naib presiden parti itu dalam tempoh 90 hari kerana terdapat dakwaan berlaku ketidakteraturan dan pelanggaran terhadap perlembagaan parti dan Akta Pertubuhan.

Ia juga meminta MIC mengadakan semula pemilihan bagi lapan bahagian dalam tempoh 60 hari iaitu Bayan Baru, Bukit Gelugor, Subang, Bandar Baru Kulim, Taiping, Tambun, Sepang dan Jasin.

ROS juga mengarahkan parti itu mengadakan semula pemilihan bagi Batu Kawan (timbangan pengerusi), Kota Raja (pengerusi bahagian), Tanjung Malim (pengerusi bahagian) dan Taman Koperasi Polis (pengerusi cawangan) dalam masa 30 hari.

Dua cawangan - Merlimau Utara dan Rumah Pangsa Pekeliling Selatan - pula diminta mengadakan pemilihan semula dalam masa 30 hari.

ROS menasihati MIC agar tidak mengadakan mesyuarat agung tahunannya selagi perkara itu tidak diselesaikan.

Semalam, Palanivel memberi jaminan kepimpinan MIC itu tidak akan sekali-kali membiarkan pendaftaran parti itu dibatalkan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1098175>